

Bagaimana saya harus MENYIMPAN ubat ini?

Simpan ubat ini di dalam bekas yang kedap udara. Simpan jauh daripada haba dan cahaya matahari secara langsung.

Risalah
Maklumat
Untuk Pesakit



Antihistamin



Buangkan semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau tidak diperlukan lagi

M22R0

Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak

MENGENAI ubat anda

Ubat ini digunakan untuk melegakan atau untuk mencegah simptom-simptom alergi yang disebabkan oleh debunga atau debu (hay fever), gatal, hidung berhingus dan jenis-jenis alergi yang lain.

Ubat ini kadang-kala digunakan untuk tujuan yang lain; tanya doktor atau ahli farmasi untuk maklumat selanjutnya.

Ubat	Fungsi
Promethazine	Ubat ini bertindak dengan mencegah kesan yang disebabkan histamin yang dihasilkan dalam badan. Histamin boleh menyebabkan gatal, bersin, hidung berhingus dan mata berair. Dalam sesetengah kes, ini boleh menyebabkan penutupan laluan udara paru-paru dan menyebabkan kesusahan dalam pernafasan. Ubat ini datang dalam bentuk tablet oral dan cecair.
Chlorpheniramine	
Hydroxyzine	
Loratadine	
Cetirizine	
Buclizine	

BAGAIMANA cara saya mengambil ubat?

Dos untuk ubat ini berlainan untuk pesakit yang berlainan. Ikut arahan doktor anda atau arahan pada label. Jika dos anda adalah berlainan, jangan tukarkan dos kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Buangkan semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau tidak diperlukan lagi

Bilangan dos untuk diambil setiap hari serta selang masa antara dos adalah bergantung pada sama ada ubat berjangka tindakan pendek atau berjangka tindakan panjang yang telah diambil.

Jika jenis yang berjangka tindakan panjang diambil, telan ubat dengan sepenuhnya. Jangan memecahkan, menghancurkan atau mengunyah tablet.

Antihistamin boleh diambil dengan makanan.

Sila minta nasihat ahli farmasi jika anda tidak pasti cara yang betul untuk mengambil ubat anda.

Apa yang patut saya lakukan jika SAYA TERLUPA makan satu dos?

Jika anda terlupa mengambil satu dos, ambil dos ini dengan segera sebaik sahaja anda ingat. Bagaimanapun, jika sudah hampir sampai masa untuk dos yang berikutnya, biarkan sahaja dos yang lupa ambil dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual waktu pengambilan ubat. Jangan gandakan dos untuk mengganti dos yang terlupa dimakan itu.

Apakah KEMUNGKINAN KESAN SAMPINGAN pengambilan ubat ini?

Walaupun kesan sampingan adalah jarang, ini masih boleh berlaku. Kesan sampingan mungkin boleh hilang semasa rawatan apabila badan anda telah menyesuaikan diri dengan ubat ini. Bagaimanapun, periksa dengan doktor anda jika mengalami salah-satu daripada kesan sampingan berikut berlarutan atau mengganggu.

Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak

Ubat	Kesan-sesan sampingan
Promethazine	Mengantuk
Chlorpheniramine	Pening
Hydroxyzine	Kekeringan pada mulut, hidung ataupun kerongkong
Loratadine	
Cetirizine	
Buclizine	

Minta nasihat doktor anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan luar biasa apabila mengambil/menggunakan ubat anda.

Jika anda mengalami sebarang simptom berikutnya, hubungi doktor anda dengan segera:

- Denyutan jantung yang cepat atau tidak teratur
- Sawan
- Kekhayalan
- Susah bernafas atau masalah pernafasan

Apa LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Sebelum ambil ubat,

- Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda ada alergi terhadap sebarang ubat.
- Beritahu doktor dan ahli farmasi anda apa-apa ubat lain yang anda sedang ambil, terutamnya ubat untuk rawatan penyakit muram,

Buangkan semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau tidak diperlukan lagi

penyakit jantung, aspirin, ubat pengendur otot, sedatif, ubat tidur dan ubat penenang.

- Beritahu doktor anda jika anda pernah atau sedang menghidapi sebarang penyakit, terutamnya masalah prostat, glaukoma, penyakit hati dan buah pinggang.
- Elakkan alkohol semasa anda mengambil ubat ini, kerana ubat ini boleh menambahkan kesan alkohol.
- Ubat ini mungkin menyebabkan sesetengah orang menjadi mengantuk atau kurang berjaga. Pastikan anda tahu bagaimana badan anda bertindak terhadap ubat yang anda ambil sebelum memandu, mengendalikan mesin, atau buat apa-apa perbuatan yang mungkin membahayakan jika anda mengantuk.

Sesetengah antihistamin lebih mungkin menyebabkan mengantuk berbandingkan dengan antihistamin lain. Pada amnya, mengantuk lebih jarang berlaku pada antihistamin baru seperti Loratadine dan Cetirizine.

Antihistamin mungkin menyebabkan kekeringan mulut, hidung dan kerongkong. Untuk melegakan kekeringan mulut buat sementara waktu anda boleh mengambil gula-gula yang tanpa gula, cairkan sedikit ais dalam mulut anda, atau gunakan pengganti air liur. Bagaimanapun, jika mulut anda terus berasa kering lebih dari 2 minggu, sila periksa dengan doktor anda.

Sebelum anda menjalani apa-apa ujian kulit untuk alergi, beritahu doktor anda bahawa anda sedang memakan ubat ini. Keputusan ujian mungkin dipengaruhi oleh ubat ini.

Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak